

**JPT, FFTP BERSAMA MALAYSIAN INDUSTRY-GOVERNMENT GROUP FOR HIGH TECHNOLOGY (MIGHT) MENGANJURKAN PROGRAM AKADEMIK PEMBENTANGAN PROPOSAL PROJEK SARJANA MUDA (PSM).**

TARIKH: 25 JUN 2021 (JUMAAT)

MASA: 9 PAGI – 1.00 TENGAHARI

Selaras dengan matlamat universiti untuk menggalakkan pelajar mempunyai pengalaman bekerjasama dengan industri, Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FFTP), UTHM mengambil inisiatif mengadakan program akademik Pembentangan Proposal Project Sarjana Muda (PSM) pada 25 Jun 2021 yang lepas secara atas talian. Kursus ini melibatkan 4 wakil dari MIGHT iaitu Encik Hasan, Encik Norsam, Cik Natrah dan Cik Nadia, beberapa pensyarah dari JPT dan 26 pelajar PSM 1, JPT, FFTP.

Menurut penyelarass PSM 1 (BPA31902), Dr. Siti Aisyah Salim program ini diadakan bertujuan memberi pendedahan serta perkongsian kepakaran dan idea oleh pakar MIGHT dalam bidang Technology Foresight. Ia akan dapat membantu pelajar untuk memperbaiki kertas cadangan PSM yang memenuhi keperluan terkini industri dan negara dalam bidang Pengurusan Teknologi.